

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021
DIBAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
KEMENTERIAN KESIHATAN				
JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI				
1	Perkhidmatan Kaunseling untuk pesakit di Klinik Warfarin, Pusat Jantung, Hospital RIPAS	Struktur Organisasi	Perkhidmatan ini adalah untuk memastikan setiap pesakit yang makan ubat Warfarin mendapat kaunseling mengenai penggunaan ubat Warfarin dengan betul serta diberikan satu buku Warfarin untuk rujukan pesakit. Ini adalah untuk meningkatkan kefahaman pesakit mengenai rawatan ubat Warfarin supaya mencapai sasaran terapi yang diperlukan.	<ul style="list-style-type: none"> ● Perkhidmatan Kaunseling untuk pesakit di klinik Warfarin adalah perkhidmatan yang dikenalpasti diperlukan. Warfarin diklasifikasi sebagai <i>High Alert Medication</i> dimana ia mempunyai risiko tinggi sekiranya ubat tidak dimakan dengan betul; ● Pesakit yang memakan ubat Warfarin perlu menjalani ujian darah untuk mengetahui pencairan darah di dalam badan dimana dos ubat Warfarin mungkin berubah berikutan keputusan darah; ● Penggunaan ubat Warfarin juga perlu dipantau kerana ianya mempunyai banyak interaksi bersama ubat-ubatan lain dan juga interaksi dengan beberapa jenis makanan; ● Klinik Warfarin, sebelum ini hanya terdapat di klinik PHY, Hospital RIPAS dimana perkhidmatan Farmasi turut memberi kaunseling kepada pesakit di klinik tersebut; ● Perkhidmatan klinik Warfarin di Pusat Jantung, Hospital RIPAS adalah perkhidmatan baru dimana ujian darah dengan <i>point-of-care test</i> dirancangkan untuk bermula pada Jun 2021. Tujuan perkhidmatan kaunseling ini adalah untuk memberikan kaunseling kepada pesakit termasuk: <ul style="list-style-type: none"> - penjelasan mengenai keputusan darah - penjelasan mengenai dos ubat Warfarin yang perlu dimakan (jika ada sebarang perubahan). Lazimnya, ubat Warfarin akan dibekalkan terus kepada pesakit sampai tarikh perjanjian seterusnya - mengingatkan tentang perkara-perkara yang perlu diambil perhatian oleh pesakit.
2	Perkhidmatan <i>AutoRefill</i> BruHealth	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Tujuan perkhidmatan ini adalah untuk mewujudkan satu pangkalan data (<i>database</i>) yang komprehensif untuk mengenalpasti pesakit yang mengikuti perkhidmatan <i>AutoRefill</i>; ● Selain daripada itu, melalui aplikasi BruHealth, notifikasi dapat dihantar ke pesakit untuk mengingatkan pengambilan ubat di farmasi. Ini dapat mendokong pengurangan pembaziran dari segi tenaga kerja yang terhad di farmasi untuk penyediaan dan mengembalikan mana-mana ubat-ubatan yang tidak diambil. Pembaziran ubat-ubatan yang tidak dapat digunakan seperti yang mempunyai tarikh mansuh yang pendek juga dapat dielakkan; ● Rekod mengenai pengambilan ubat-ubatan dapat dicatit dan dikemaskinikan secara digital; ● Melalui aplikasi BruHealth juga akan dapat menjadi satu platform yang bermanfaat untuk meningkatkan kepatuhan pesakit terhadap ubat-ubatan kronik mereka dan seterusnya mengurangkan kemasukan ke hospital yang berpunca dari komplikasi tidak patuh 	<p>Perkhidmatan ini adalah lanjutan kepada perkhidmatan <i>AutoRefill</i> dimana Perkhidmatan Farmasi menggunakan aplikasi BruHealth untuk mewujudkan satu <i>online platform AutoRefill</i>.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Pada masa ini setiap hospital dan pusat kesihatan mempunyai pangkalan data (<i>database</i>) sendiri mengenai keramaian pesakit yang menggunakan perkhidmatan <i>AutoRefill</i>. Dengan adanya <i>online platform</i> ini, akan dapat mengongsikan <i>database AutoRefill</i> dari semua hospital dan pusat kesihatan untuk mengetahui samada pesakit ini telah berdaftar untuk perkhidmatan <i>AutoRefill</i> di hospital atau pusat kesihatan lain; 2) Perkhidmatan ini akan dapat mengemaskinikan rekod pengambilan <i>AutoRefill</i> pesakit melalui <i>online platform</i> dimana pengambilan ubat-ubatan dan tarikh pengambilan seterusnya dicatit. <i>Online platform</i> ini juga akan dapat memberikan maklumat pesakit seperti rekod ubat-ubatan dan demografi daripada Bru-HIMS; 3) Perkhidmatan ini dapat menghantar

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021
DIBAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
			memakan ubat-ubatan.	<p>notifikasi kepada pihak pesakit atau orang ramai untuk mengambil ubat-ubatan mereka melalui AutoRefill. Bahagian Farmasi mendapati ada banyak pesakit yang berdaftar dengan perkhidmatan AutoRefill yang tidak datang ke Farmasi untuk mengambil ubat-ubatan mereka. Ini mengakibatkan pembaziran dimana ada ubat-ubatan mungkin tidak dapat digunakan lagi, pembaziran tenaga kerja farmasi menyediakan ubat-ubatan tersebut dan membalikkan semula ubat-ubatan ke dalam stok farmasi serta pembaziran dari segi penggunaan peralatan pejabat seperti kertas label dan dakwat pencetak. Notifikasi ini dihantar menggunakan aplikasi BruHealth akan dihantar beberapa kali, iaitu 3 hari sebelum tarikh pengambilan ubat, pada hari pengambilan ubat. Pesakit juga akan dinotifikasi 3 hari, seminggu dan 2 minggu selepas tarikh pengambilan ubat;</p> <p>4) Melalui <i>online platform</i> ini, statistik mengenai jumlah pesakit yang aktif menggunakan perkhidmatan ini dapat diperolehi dengan mudah.</p>
3	Penambahan waktu operasi Perkhidmatan Farmasi Lanjutan di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan, Hospital Suri Seri Begawan	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Penambahan masa perkhidmatan farmasi lanjutan yang diberi oleh Tukang Ubat Terlatih di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan supaya pesakit-pesakit diberi nasihat mengenai ubat-ubat mereka; • Pengurangan masa Jururawat untuk mendispens ubat kepada pesakit dan dapat menumpukan perhatian mereka untuk tugas-tugas kejururawatan. 	<p>Cadangan untuk menambah waktu operasi yang terdiri daripada kakitangan farmasi, iaitu Tukang Ubat Terlatih di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan, Hospital Suri Seri Begawan setelah perbincangan yang dipersetujui oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Bahagian Kemalangan dan Kecemasan hospital tersebut.</p> <p>Sebelum projek ini dilaksanakan, tukang ubat terlatih dari Bahagian Farmasi hanya bekerja di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan dari pukul 7 hingga 10 malam setiap hari dan juga waktu pagi pada hari Jumaat, Ahad dan hari kelepasan awam dari jam 8:30 hingga 11:30 pagi. Manakala, mereka bekerja di Bahagian Farmasi Hospital Suri seri Begawan di sebelah pagi pada hari bekerja iaitu 4 ½ jam. Ini bermakna jumlah jam bekerja bagi tukang ubat terlatih di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan ialah 3 jam pada hari bekerja dan 6 jam pada hari Jumaat, Ahad dan Kelepasan awam. Iaitu jumlah waktu bekerja seminggu ialah 27 jam.</p> <p>Dengan pelaksanaan waktu perkhidmatan baru ini, Tukang Ubat Terlatih bertugas dari jam 4:30 petang hingga 10 malam setiap hari bekerja, dan dari pukul 2:30 petang hingga 10 malam setiap hari kelepasan awam dan juga Jumaat dan Ahad untuk mendispens ubat kepada pesakit. Pada hari bekerja kerajaan, kakitangan farmasi yang terlibat bermula bekerja pada pukul 2:30 di Farmasi Hospital Suri Seri Begawan sebelum bekerja di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan</p>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021
DIBAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
				<p>hospital itu. Jumlah waktu perkerjaan seminggu ialah 42.5 jam.</p> <p>Jumlah masa dalam memberikan perkhidmatan farmasi oleh kakitangan sebelum usaha pembaharuan dan penambahbaikan adalah selama 27 jam seminggu berbanding dengan 42.5 jam selepas pembaharuan dan penambahbaikan. Ini telah menunjukkan terdapat peningkatan masa dalam memberikan perkhidmatan farmasi oleh kakitangan sebanyak 15.5 jam seminggu ataupun 57% peningkatan.</p>
4	Perkhidmatan <i>Medication Appropriateness Review</i>	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi memastikan keselamatan pesakit dengan memberikan ubat-ubatan yang betul, selamat dan berkesan termasuk dari segi jenis ubat, dos yang diberikan, interaksi sesama ubat, keputusan makmal dan yang perkara-perkara lain yang diperlukan; • Mengelakkan kesalahan termasuk ubat yang tertinggal untuk dipreskrib, duplikasi, dos dan arahan pengambilan yang tidak tepat, interaksi ubat-ubatan, kesan sampingan atau ubat-ubatan yang tidak perlu untuk dipreskrib; • Pengurusan ubat-ubatan pesakit yang lebih jelas sepanjang pesakit berada di dalam wad; • Memudahkan pengurusan rawatan pesakit jika berpindah dari satu wad ke wad yang berbeza. 	<p>Cadangan untuk menambahbaik lagi perkhidmatan farmasi klinikal yang diberikan kepada pesakit-pesakit yang berada di dalam wad. Program ini adalah proses penelitian preskripsi secara lengkap bagi semua ubat-ubatan yang diambil oleh pesakit. Perbandingan akan dibuat dengan ubat-ubatan yang baru dipreskrib dengan ubat-ubatan yang telah dipreskrib sebelumnya melalui rekod perubatan pesakit.</p> <p>Langkah-langkah program ini termasuk-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Meneliti senarai ubat-ubatan yang diberikan kepada pesakit sebelum dimasukkan ke dalam wad. Ini termasuk ubat-ubatan dari institusi kerajaan dan swasta; 2. Meneliti ubat-ubatan yang diberikan kepada pesakit sewaktu di dalam wad; 3. Membuat perbandingan senarai-ubat-ubatan; 4. Membuat keputusan klinikal setelah membuat perbandingan; 5. Menghubungi doktor bagi perbincangan dan kepastian mengenai satu-satu ubat yang diberikan seterusnya memerlukan doktor untuk membuat perubahan ke atas preskripsi jika perlu; dan 6. Menerangkan kepada pesakit akan ubat-ubatan yang diberikan kepada mereka.
JABATAN PERKHIDMATAN HOSPITAL				
5	<i>Standards of Practice</i> bagi Profesion Kesihatan Bersekutu	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan Pegawai Profesional Kesihatan Bersekutu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh profesion tersebut dalam penjaminan keselamatan pesakit / klien dan tahap penjagaan kesihatan yang tinggi; • Memastikan Pegawai Profesional Kesihatan Bersekutu mempunyai tahap profesionalisma yang tinggi dengan memenuhi piawaian kompetensi profesional mengikut piawaian antarabangsa dalam bidang masing-masing; • Memantapkan dan mengukuhkan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh Pegawai Profesional Kesihatan Bersekutu. 	<p><i>Standards of Practice</i> merupakan garis panduan piawaian profesional yang perlu dicapai oleh setiap pegawai mengikut profesion masing-masing. Sebanyak 13 profesion dibawah Perkhidmatan Profesional Kesihatan Bersekutu dikehendaki untuk menyediakan <i>standards of practice</i> mengikut piawaian antarabangsa. Perkhidmatan tersebut adalah Perkhidmatan Audiologi, Dietetik, Guru bagi Orang - Orang Tuli, Kebajikan Perubatan, Optometri, Ortopetik, Pemulihan Anggota, Pemulihan Cara Kerja, Pemulihan Pertuturan, Podiatri, Prostetik dan Ortotik, Psikologi dan Radiografi. Menyediakan <i>Standard Of Practice</i> adalah salah satu tindakan inisiatif yang telah dirancang di bawah 'Strategic Initiative 10 -</p>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021
DIBAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
				<i>Strengthening Allied Health Professionals Services'</i> dalam mendokong salah satu pelan strategik utama Kementerian Kesihatan (2019 - 2023) iaitu 'Excellence in Health Care Services'
6	Perkhidmatan Audiologi secara Tetap di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait	Struktur Organisasi	Menyediakan Perkhidmatan Audiologi di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait secara tetap sepenuh masa	Perkhidmatan Audiologi di Hospital Suri Seri Begawan adalah secara lawatan (<i>visiting services</i>). Menyediakan perkhidmatan secara tetap sepenuh masa bagi beberapa profesion di bawah Perkhidmatan Profesional Kesihatan Bersekutu di hospital daerah merupakan salah satu tindakan dalam inisiatif yang telah dirancang di bawah 'Strategic Initiative 10 - Strengthening Allied Health Professionals Services' dalam mendokong salah satu pelan strategik utama Kementerian Kesihatan (2019 - 2023) iaitu 'Excellence in Health Care Services'
7	<i>Training of Trainer (First Aid Instructor Course)</i>	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Meningkatkan jumlah penjawat awam dan petugas beruniform dan orang awam berkebolehan atau / dan berkemahiran dalam menangani kes - kes kecemasan; ● Meningkatkan jumlah tenaga pengajar di kalangan penjawat awam dan petugas beruniform; ● Memberi kesedaran kepada penjawat awam, petugas beruniform dan orang awam mengenai dengan kepentingan CPR; ● Mengurangkan peluang serangan jantung dikalangan orang awam jika terdapat ramai orang yang berkemahiran atau berkebolehan dalam menangani kes - kes kecemasan terutama CPR. 	Melatih penjawat awam dan petugas beruniform menjadi tenaga pengajar pertolongan cemas. Dimana mereka akan menjadi tenaga pengajar untuk Kementerian / Jabatan masing - masing dengan menggunakan garispanduan yang dikeluarkan oleh Pusat Resusitasi Kebangsaan, Kementerian Kesihatan. Tenaga - tenaga pengajar tersebut akan menjalankan kursus asas pertolongan cemas kepada kakitangan di Kementerian / Jabatan sendiri atau kepada orang awam. Pusat Resusitasi Kebangsaan akan memantau tenaga - tenaga pengajar tersebut dalam memastikan <i>standard</i> dikekalkan ketika kursus dijalankan.
8	<i>Privileging Guideline</i>	Dasar	Garispanduan adalah bertujuan untuk memastikan semua pengamal kesihatan menjalani proses <i>privileging</i> bagi memastikan apa jua prosedur atau perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit adalah mengikut pensijilan dan juga kompetensi pengamal kesihatan berkenaan mengikut fasiliti kesihatan yang ditetapkan.	Memastikan semua pengamal kesihatan menjalani proses <i>privileging</i> bagi memastikan apa jua prosedur atau perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit adalah mengikut pensijilan dan juga kompetensi pengamal kesihatan berkenaan mengikut fasiliti kesihatan yang ditetapkan.
9	<i>Guideline on Disabilities</i>	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> ● Menyenaraikan secara umum penyakit - penyakit perubatan dan kondisi - kondisi dalam memberikan panduan semasa penilaian seseorang individu yang mempunyai ciri - ciri <i>disabilities</i> untuk tujuan pendaftaran di bawah <i>The Persons with Disability Order</i>; ● Memberikan input serta cadangan mengenai kelayakan untuk menerima elaun yang relevan dan juga untuk mempertimbangkan akan kesan <i>functional disability</i> dan seterusnya untuk mendokong keputusan keseluruhan jawatankuasa berkenaan di bawah <i>the Old Pensions and Disability Act</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Menyenaraikan secara umum penyakit - penyakit perubatan dan kondisi - kondisi dalam memberikan panduan semasa penilaian seseorang individu yang mempunyai ciri - ciri <i>disabilities</i> untuk tujuan pendaftaran di bawah <i>The Persons with Disability Order</i>; ● Memberikan input serta cadangan mengenai kelayakan untuk menerima elaun yang relevan dan juga untuk mempertimbangkan akan kesan <i>functional disability</i> dan seterusnya untuk mendokong keputusan keseluruhan jawatankuasa berkenaan di bawah <i>the Old Pensions and Disability Act</i>.

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021
DIBAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
10	Patient Group Directions (PGDs) Policy	Dasar	Membolehkan para profesional kesihatan tertentu untuk menguruskan dan / membekalkan ubat yang ditentukan tanpa preskripsi atau arahan daripada prescriber.	<p>Sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa dan juga bertambahnya tanggungjawab di kalangan para profesional kesihatan dan juga pentingnya mematuhi inisiatif keselamatan pesakit, satu dasar atau polisi bagi para profesional kesihatan (<i>non - prescriber</i>) untuk membekalkan dan memberi ubat termasuk vaksin tertentu kepada pesakit atau orang ramai di fasiliti - fasiliti kesihatan atau fasiliti - fasiliti yang tertentu. Dasar ini memberikan garis panduan-</p> <ul style="list-style-type: none"> - komprehensif yang membolehkan para profesional kesihatan tertentu untuk menguruskan dan / membekalkan ubat yang ditentukan tanpa preskripsi atau arahan daripada <i>prescriber</i> - meningkatkan akses pesakit - pesakit ke ubat - ubatan tepat pada masanya berdasarkan preskripsi bertulis dan / atau arahan yang dikeluarkan oleh para profesional kesihatan yang menetapkan untuk situasi tertentu sahaja, sebagai contoh, dengan memberii kebenaran kepada paramedik dalam keadaan kecemasan atau jururawat yang berdaftar dalam keadaan tertentu tanpa menjejaskan keselamatan pesakit.